

BAHAGIAN PEMBANGUNAN PELAJAR & JARINGAN KOMUNITI (HEP)
No. Tel : 03-55223521 (SA) 03-32898281 (BJ)



KEPADA : Siswa/Siswi
Universiti Selangor (UNISEL)

DARIPADA : Dekan Pembangunan Pelajar dan Jaringan Komuniti (HEP)

TARIKH : 18 Mei 2017

**PEMAKLUMAN BERKAITAN KEPERLUAN MENGAMBIL SEMESTER
PENDEK (SEM JULAI 2017) BAGI PEMINJAM PINJAMAN PTPTN**

Merujuk kepada Memo terdahulu 'Kesan Perubahan Julat Pembayaran Pinjaman PTPTN Dari 2 Kali Setahun Kepada 3 Kali Setahun' daripada Dekan HEP yang bertarikh 14 Julai 2016, adalah dimaklumkan bahawa pihak UNISEL dengan kerjasama pihak penaja PTPTN telah bersetuju untuk membuat perubahan bayaran pinjaman daripada 2 kali setahun ke 3 kali setahun kecuali Diploma Kejururawatan.

Sehubungan itu, satu mesyuarat di antara Bahagian Pembangunan Pelajar dan Jaringan Komuniti (HEP) dan Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) pada 18 Mei 2017 telah memutuskan supaya semua pelajar tajaan PTPTN diminta untuk mendaftar diri pada Semester Julai 2017. Sila rujuk fakulti berkaitan maklumat pendaftaran subjek Semester Julai 2017.

Berikut adalah jadual pembayaran PTPTN :

SEMESTER	BUTIRAN PEMBAYARAN PTPTN	KEPUTUSAN PEPERIKSAAN YANG DIPERLUKAN
JAN 2017	Bayaran 1 : Untuk pembayaran yuran pengajian Semester Januari 2017	Ogos 2016 (Minimum GPA 2.00)
*JUL 2017	Bayaran 2 : Untuk pembayaran yuran pengajian Semester Julai 2017	Januari 2017 (Minimum GPA 2.00)
SEPT 2017	Bayaran 3 : Untuk pembayaran yuran pengajian Semester September 2017	Julai 2017 (Minimum GPA 2.00)

*Pelajar tidak akan menerima pembayaran PTPTN pada Semester September 2017 sekiranya tiada keputusan peperiksaan Semester Julai 2017.

Sekian, terima kasih.